

TITIEN SUMARNI



DARI
BERIBU
BINTANG
BERCHAHYA



DITELAN GELITA

TITIEN SUMARNI - MATI NGERI

(Sabuah kesah nyata, saorang manusia yang tidak
tahu manchukopi sasuatu pemberian).

Di-susun oleh:

AEBY MUARA

楊貴誼珍藏
Koleksi Yew Quee Kee

Kata Penerbit

Miski pun Seniwati Titien Sumarni telah hilang dari alam maya ini beberapa tahun yang lalu tetapi derma baktinya dalam seni filem Indonesia tidaklah pula patut dilupakan bagitu saja.

Namanya dalam beberapa waktu begitu popular sekali tetapi kerana sasauatu yang menonggangi nafsunya akhirnya ia telah mengalami kehidupan yang jelek hingga akhir hayatnya.

Bachalah seterusnya cherita ini yang disunting oleh saudara Aeby Muara untuk menongan segala pehak yang kerap menyangkakan "Bintangnya" tetap berchahaya sepanjang malam.

hormat dari:
Penerbit

MASA CHEMELANG INDAH SEMUA

Dalam kehidupan sehari2, Titien Sumarni tidak pernah menangis. Titien Sumarni adalah satu-satunya bintang filem Indonesia yang pertama dan yang akhir sekali pernah dirachuni orang. Tetapi adalah satu keistimewaan baginya, bahwa dalam melakukan tugas dimuka kemera dalam satu2 adigan filem, Titien boleh mengeluarkan ayer mata menorgis.

Dalam menjalani kehidupan ini, selama 35 tahun yang berlalu, Titien selalu tertawa riang2 gumbira yang dibawanya sejak ia kecil2 lagi. Malah itien Sumarni di-tubuhnya mengalir darah Periangan dan darah Areh Surabaya dan itu ah pula di-katakan Titien ini sejak kecil sudah periang tapi nakal sekali.

Titien Sumarni hanya sempat mealalui hidupnya selama 35 tahun 4 bulan dan 15 hari (lebih kurang). Titien Sumarni dilahirkan pada 28 Desember 1930, meninggal dunia pada 13 Mei 1966. LAHIR diibu kota Jawa Timur dalam suasana kegembiraan, MATI dalam biled rumah sakit di-kota Bandung dalam suasana kengerian

Sudah semenjak kecil lagi, Titien sudah ditinggalkan oleh ayahnya. Dia besar dan dididik oleh ibunya. Pendidikan yang diterimanya sejak kecil lagi itu, ada-lah berdasarkan keagamaan dan hal yang demikiah memanglah dapat kita mengerti, sebab pada umumnya gadis2 Periangan memeluk Agama Islam.

Miskipun Titien Sumarni kelahiran Surabaya, tetapi wajah dan perawakannya merupakan gadis Sangkuriang, darah Sumedang yang terkenal dengan kesah Pengeron Sumedang bencr2 mengalir dalam tubuh Titien Sumarni.

Ayahnya meninggal duuia ketika Titien berusia 3 tahun. Ayahnya menjadi Asistant Widana diSurabaya yang sering mengadakan peninjauan dengan menunaang kuda, sebagaimana biasanya pada suatu hari ayah Titien Sumarni pergi berkuda guna melakukan peninjauan didaerah2. Tapi sudah suratan takdir, pada petangnya ayah Titien Sumarni diusong orang dengan tandu, dihantar kerumahnya dengan keadaan yang tenat sekali.

Kuda tunggangan ayah-nya mati terjerumus kadalam jurang. Melihat ini ibunya jatuh pingsan. Titien yang maseh kecil itu tidak mengerti apa2'

disangkanya ayahnya sedang tidur. Kematian ayahnya tidak meninggalkan kesan dalam jiwanya.

Dalam salah satu temu-ramahnya dengan saorang wartawan filem yang menggunakan nama Andang Teruna yang termuat dalam majalah ARINA, Titien menyatakan bahawa ayahnya telah meninggal dunia ketika ia dalam kandungan ibunya lagi dan menurutnya bahawa kematian ayahnya itu adalah akibat kecelakaan motorfiet. Ini bertentangan sekali dengan apa yang ditulis oleh Rd. Lingga Wisjhu M. S. dalam buku kechilnya "Rahasia Hidup Titien Sumarni" sebagaimana terchatet diatas tadi.

Ibu Titien Sumarni menjadi janda dan tinggal di Surabaya hingga Jepun mendarat menguasai tanah pusaka itu. Oleh kerana ibu-nya saorang asli kelahiran Periangan asal Tasek Malaya, maka diambilnya keputusan akan pulang kembali ke daerahnya, meskipun keluarganya di Surabaya melarang berbuat demikian, tapi ibunya berkeras juga lebih2 lagi keadaan ekonomi pada masa Jepun itu tidak terjamin. Sebuah hotel kepunyaan ayahnya telah dirampas oleh Jedun, maka ibu Titien pun berpendapat lebih baik menderita dirumah sendiri di kampong halamannya.

Demikianlah ketika Titieh Sumarni berusia 6 tahun kembali ke Tasek Malaya, dan beberapa tahun kemudian ibu Titien kawin lagi.

Dari Tasek Malaya Titien Sumarni pindah sekolah di S.M.E.P. di Bandung, ayah tiri dan ibunya turut bersama ke Bandung.

Oleh kerana banyak menerima pendidikan Agama itulah ia memiliki sifat ramah tamah dan agak malu2. Apa lagi jika menerima tamu yang pertamanya baru kenal.

Tapi bagaimana pun Titien Sumarni sangat nakal ia nakal terlalu.

Titien pernah berkata pada bunya: "Bu, Titien sudah besar, jangan dichubit sahaja hingga lebam2, jika didapat Titien Sumarni ini nakal."

Ibunya mengiakan saja. Tetapi kenakalan Titien semakin memuncak. Dia sering menunggang basikal, basikal lelaki.

Dia sering pula berlari2 kadang2 ketengah jalan. Ibu-nya amat marah, malah chemas takut kalau2 anak-nya mendapat kechelakaan jalan raya.

Satu ketika Titien mendapat kechelakaan dari menunggangi basikal. Ia dirawat dirumah sakit Beberapa hari lamanya Titien harus istirahat dipembarangan. Kedua belah kakinya diikat dan digantung. Tapi kerana kerckclannya, ia dapat melepaskan ikatan itu lalu dengan sembunyi2 lari pulang kerumah dengan berpakaian ta' lengkap.

Bukan itu saja. Kenakalan Titien sampai2 pada chara makan, hingga ibunya sering melarang jangan sekali2 makan memakai chowek (tempat menghalusi sambal macham esong batu). Kerana menurut tahuil siapa yang makan dengan memakai chowek, kelak akan mendapat suami yang lanjut usianya. Tapi segala kata2 ibunya itu, Titien

menganggap sepi. Ibunya pernah menengkeng: "Titien kalau mahu memakai chara mu sendiri, terserahlah, jangan nanti menyesal kalau suamimu jauh lebih tua daripada mu".

Tahyul ini rupanya berlaku jua. Titien Sumarni bukan hanya bersuamiikan "saorang tua" malah semuanya tua2 belaka.

Tapi sebelum menjalani pahit pedih ini, Titien telah tersenyum lebar. Titien lebih banyak mengalami ketenangan dan kesenangan, ketenteraman dan kesejahteraan, aman damai dilalui satu persatu.

Semasa berumur 15 tahun gadis yang sungguh menawan pada siapa saja yang memandang, dan sedang bersekolah, dikelas atau S.M.E.P. keadaan diIndonesia sedang bergelura. Rebolusi Indonesia sungguh2 menchi takan berbagai ragam manusia, termasoklah dari kalongan pehak tentera, pangkat dan taitel dijadikan barang pemberian yang selalu tidak disertai sharot yang tertentu. Disamping para penchatut yang dapat menampalkan baju-nya dengan bintang2, dan diantara yang banyak2 itu terdapatlah seorang perajurit yang jatuh chinta pada Titien.

Sifat Titien sebagai seorang gadis yang baru saja menginjak masa kedewasaan, perchintaan semacham ini, diterimanya dengan rasa bangga.

Dengan sebuah motorsikalnya yang berkilat2. Perajurit tadi sering datang mengunjungi Titien, dan sering pula mengantar dan mengambil Titien dari

rumah kesekolah. Titien tidak pernah melepaskan perajurit harapan-nya itu, buhkan sudah direnchakan bahawa mereka akan mendirikan sebuah rumah tangga.

* * *

Tapi . . . manusia Titien dan perajurit hanya renchana sedang Tuhan seru sekalian alam yang menjalankan takdirnya.

Bachalah seterusnya kesah ini yang sengaja kita petik dari tulisan saorang wartawan filem yang terkenal tajam penanya ditanah ayer itu:

Kekal kah apa yang mereka renchanakan? Titien geleng kepala kalau teringat kembali masa yang lalu. Masa yang penuh dengan kebohongan, kepalsuan dan putus asa. Meski pun demikian segala2nya direndamnya saja. sebagai suatu hal yang sudah terjadi dan tidak mungkin terulang kembali.

Perajurit yang selama ini dijadikan impian dan harapan dimasa hari kemudiannya, ternyata menjadi suatu penyesalan yang tak habis2nya, keranayalah Titien bingong dan terpeksa meninggalkan bangku sekolah.

Perajurit ini sering datang kerumahnya, demikian juga paman Titien yang bernama R. Moestari yang kebetulan datang untuk melihat2 sebagai saorang yang berkeluarga, mereka sering bertembong dan tentulah perkenalan antara satu sama lainnya sehingga ada masanya perajurit ini berkunjung kerumah Moestari pula, untuk sekadar merapatkan hubungan saja.

Tetien mengerti bahawa paman ini sudah mempunyai dua orang anak, keperchayaannya terhadap perajurit ini menyebabkan Moestari tidak menaroh shak wasangka sedikit pun jun, akan hal2 yang akan terjadi, sewaktu Moestari ada dirumah atau tidak, sedang istrei Moestari pun amat baik terhadap perajurit ini.

Mengenai ini, Moestari secara langsung menganggap sebagai suatu kesewajaran, kerana perajurit itu menchintai Titien dan Titien pula berkeluarga dengan Moestari, kerananya tidak begitu pusing akan hal tersebut.

Tapi, lain pula halnya dengan Titien, melihat hal2 yang semacham ini timbul rasa chemburu dan churiga terhadap perajurit kekasehnya ini, chemburu yang disertai rasa benchi Benchi kerana kekasehnya tidak lagi memperhatikan dirinya, ia lebeh banyak menghabiskan masanya dirumah Moestari.

Kejadian ini menyebabkan Titien naik radang tambahan ketika diketahui bahwa perajurit in sering berkunjung kerumah Moestari. sewaktu Moestari berada dipejabat. "Perlu apa dia datang sudah diketahuinya bahwa Moestari tidak ada dirumah? Ini tentu ada apa2nya?".

Fikiran Titien runsing "ini teutu ada sesuatu yang tidak baik" kelohnya.

Hatinya telah panas, direnchanakan sesuatu yang tidak disangka2, atas desakan Titien Moestari mesti mencheraikan isterinya untok, diambil aleh perajurit tadi, dan Titien berkawin pula dengan Moestari.

KENANGAN



Demikian perkara ini terjadi pada bulan Oktober 1948.

. Kini Titien menjadi seorang isteri. Titien mulai banyak kelihatan dipanggong sandiwara turut menyanyi dan bermain tonil, kerana Moestari sejak dulu2 lagi memang keahlian dalam saal sandiwara ini maka isterinya didurong sama.

Dimasa itu Moestari bekerja diKementerian Perekonomian, baik Titien Sumarni mahu pun Moestari sama2 menikmati bahagia dalam kehidupan yang damai mesra dalam rumah tangganya tidak pernah terjadi sengkita, dan tak lama kemudian Moestari ditukar kaJakarta.

DiJakarta Titien dapat ilham dia mahu terus bermain sandiwara. Jakarta kota harapan yang amat besar baginya.

DiJakarta Maestari mendapat sebuah rumah yang agak besar, yang terkumpul dari rumah pegawai pemerintah dijalan Tjitraganda No. 8, Kebajoran dan tak lama Kemudian mereka berpindah kerumah sendiri diKebajoran baru Jalan Pala.

Agak lama juga Titien Sumarni menarut sandiwara2 keliling. Hatinya pula meluncuk untuk champur bermain dalam filem, chita2 ini disalurkan pada suaminya dan Moestari banyak memberikan bantuan dalam mengejar cheta2nya itu.

Cherita tantang Titien dapat menjadi bintang filem yang ternama memang aneh, ia tidak pernah mengirim surat lamaran kepada studio2 filem

dijakarta, tapi dari chita2nya untuk menjadi bintang filem sampailah ia kepada petunjuk sesorang yang tak disangka2nya.

Pada suatu pagi Titien hendak pulang ke Jakarta setelah beberapa hari beristirahat diBogor berhubong dengan kesihatan suaminya Moestari yang kurang sehat. Tetapi keretanya telah rosak dan dia berchadang pulang saja dengan menyewa sabuah teksi, kebetulan ada seorang penumpang dalam teksi itu yang akan bersama2nya pulang kejakarta, mereka berbual2 dari pasal kepasal hingga melerit pada seni derama dan filem. Orang ini tak lain dan tak bukan dari saudara Harun Al Rasjid yang waktu itu bertugas distudio Golden Arrow. Sesampainyn dijakarta saudara Harun mencheritakan kejadian itu pada pengarah R. Ariffin yang hendak mulai pembuatan filemnya "Serunai Laju" dan kebetulan jugalah bahawa pengarah ini mengenali Moestari lalu mereka berhubong.

Tidak banyak soal jawab lalu Titien bermain dalam filem ini.

Kisah pembuatan filem ini pun punya kisah yang aneh Titien yang baru saja menjalani dirinya dilapangan filem ini telah membuat olah. Suatu salah faham telah terjadi antara Titien Sumarni dengan pehak Golden Arrow Titien meninggalkan studio itu walau pun lakonannya dalam filem itu belum selesai Titien tidak mahu berlakun kalau kontereknya itu tidak dibaharui dengan banyak pindaan2, setelah mengadakan banyak perundingan, Titien pun menyetujui, tapi dimasa itu Titien tidak dapat berlakon kerana dia telah menandatangan

suatu perjanjian dengan Dr. Hujung untuk berlakon dalam filem "Gagis Olah Raga".

Golden Arrow terpaksa menunggu sampai Titien selesai berlakun dalam filem itu.

Nama Titien dewasa itu belum begitu popular dikalangan masyarakat, tetapi Dr. Hujung sendiri pernah mengatakan bahawa Titien kelak dapat menarik perhatian masyarakat, diwaktu itu dia hanya bintang harapan.

Kata Dr. Hujung: "Saya sebagai saorang pengarah hanya melihat suatu kemungkinan yang baik, kalau Titien menurut, dia dapat bermain lebih baik. Pokoknya hanya pada pengarah, apakah dapat menchiptakan dia jadi saorang tjeriwis dan genit dalam filemnya Inilah sifat dan tokoh yang harus diperankan oleh Titien".

Setelah berlakon dalam filem "Gagis Olah Raga" ini, gambar2 Titien Sumarni telah disiarkan oleh majallah2 luar negeri iaitu Time dan Life. Dua orang wartawan dari majallah tersebut telah datang menemui Dr. Hujung lalu meminta gambar2 seniwati Indonesia yang dapat disiarkan dalam majallahnya, itu. Dr. Hujung menunjukkan gambar2 seniwati lainnya tapi semuanya ditolak oleh wartawan2 tadi, lalu memilih gambar2 Titien Sumarni yang telah kena pada tempatnya iaitu seperti kata wartawan2 itu: "Kita mahu chari bintang filem Indonesia, berpakaian Indanesia. Bersenyum simpul Indonesia dan mempunyai type Indonesia".

Saorang wartawan filem pernah menulis: "Dengan sepatah kata dapat saya katakan bahawa

orang yang hernama Radin Aju Titien Sumarni itu betul2 Ayu, seperti namanya, mulutnya yang kecil mungil, tahi lalat yang manis meraih dan suaranya yang merdu lembut seperti bentuk tubohnya yang muntok - sedang, menyebabkan orang harus mengambil kesimpulan ia betul2 ayu. manis dan chantek dan keramah-tamahannya menyambut kami menyebabkan perchakapan berjalan lancar".

Lain wartawan menulis demikian pula: "Titien Sumarni selalu mendapatkan sukses yang tak diduga2 terlebih dulu oleh casting director, lebih2 dalam filem yang sifatnya riang gem.bira, wajahnya yang chantek menunjukkan keaslian wanita Indonesia diberbagai ragam pakain Barat mahu pun Timur, serta terlihat selalu manis dan periang".

Lagi saorang wartawan filem pernah menulis: "Jika penggemar2 filem Melaya gemarkan Kasmah Booty, penggemar2 filem Indonesia mempunyai juga bintang pujaannya yana chantek ini, iaitu Titien Sumarni. Malah dia memileki kechanteikan yang melebihi mereka Sepintas lalu ia mirip pada menyerupai Maria Montez terutama bentuk badan serta senyum-nya yang memikat".

Malah ada saorang wartawan filem menulis terang2an bahawa Titien Sumarni akan menduduki tempat sebagai "Ratu dari bintang filem Indonesia antara tulisannya: "Timbul pula saorong pelakon baru yang sangat ayu dalam filem "Seruan Laju" dan kemudian turut serta bermain bersama Nana Moyu dalam "Kenangan Masa" namanya Titien Sumarni. Nana mandapat saingan, kerana Titien yang ayu ini mendapat perhatian yang chukup memuaskan, bukan kerana permainanya saja tetapi kecharakteknya yang istimewa itulah, me-

disebabkan banyak orang tergilat dengannya, beberapa orang berpendapat bahwa dia adalah yang akan menduduki tempat sebagai "Ratu dari bintang filem Indonesia".

Dalam sebuah majalah filem di Jakarta Titien dipuja oleh saorang peminatnya dengan menulis demikian: Bagi penggemar2 filem Indonesia, nama Titien Sumarni telah chukop menjadi jaminan akan kepuasan mereka terhadap filem2 yang dimainkan, nya ternyata bahawa berhari2 tiket terjual habis walau pun dalam hujan lebat menchurah2, yang semata2 untuk melihat Titien Sumarni yang dichantai dilayar perak, tidak hairan bahawa ada penunton yang hingga mengatakan tahan saja tidak makan dua hari, asal dapat menunton Titien Sumarni!"

Dan demikian Titien Sumarni - Titien yang bertahi lalat manis dipuja-puja penoh keindahan penoh kemeriahahan dan itulah dia dimasa chemerlang indah semua.



KETERANGAN GAMBAR

(2), (3) dan (4) Titien

Sumarni bersama suaminya

Moestari dan anaknya Mohd.

Sharif Tommy Surjanata Negara



titien sumarni yang ayu, titien yang manis, titien yang itu, dan titien yang ini semuanya memuji memuji.

DARI BERIBU BINTANG BERCHAHAYA TURUN MENURUN KELEMBAH NODA

Dunia ini bulat - bulat yang dapat bergulak, dapat bergulek, dapat sekali keatas sekali kebawah, ia terus menerus berputar.

Dunia hanya satu tapi bintang ribuan banyaknya berkelip2 ada yang terang ada yang kurang terang, ada yang sudah terang tambah terang dan ada yang sudah begitu terang berchahaya tiba2 dengan sekelip mata sudah malap, sudah tak menghasilkan chahaya lagi, sudah tidak dipandang orang.

Inilah kisah sabuah bintang bukan diangit yang membiru tapi dibawah kulon langit, bintang ilem Titien Sumarni.

Orang sudah banyak mengenal nama Titien, Titien Sumarni yang ayu, Titien yang manis, Titien yang itu, dan Titien yang ini semuanya memuji memuji.

Sejak Titien menerjunkan diri dilapangan filem sejak "Serunai Laju" dan "Gadis Olah Raga" diputar orang sudah mengagumi Titien Sumarni.

Sepanjang tahun 1951 dan 1952 Titien benar2 berkerja keras siang malam tak banyak dapat berhenti dari satu filam kesatu filem, pihak pengeluar filem (Producer) berebut2 untuk memanggil Titien berlakon dalam filemnya.

Setelah dia berlakun dalam dua buah filem yang tersebut diatas tadi dan setelah Dr. Hujung meninggal dunia Titien Sumarni menanda tangani suatu perjanjian dengan Persari kepunyaan Djamaluddin Malik, beberapa buah filem telah diselesaikan, disebabkan ada sesuatu perkara maka perhubungan Titien dengan Persari tidak begitu erat lagi iaitu ketika Pekan Raya Ekonomi International yang pertama2 kali diadakan diJakarta, Titien Sumarni turut mengambil bahagian dalam sebuah stand yang sudah ditarang oleh Persari terlebih dulu. Kerana-nya Titien dikeluarkan bersama2 dengan Nana Mayu, Ribut Rawit dan beberapa orang lagi.

Ketika itu hatinya memang memunchak marahnya, muram dan pedeh beberapa ketika tambahan chita2nya untuk membuat filmnya sendiri itu belum lagi dapat terlaksana.

Masa berjalan terus. Dan ranchana ini saolah2 diatur terlebih dulu. Itulah Tuhan yang maha kuasa Filem "Kerisis" oleh Perfini pembuatanya telah terbengkalai disebabkan oleh kekurangan ongkos. Mulanya Persari ingin menulong tetapi telah ditolak oleh perfini kerana sasauatu hal dalam saat2 itu munchullah Moestari sebagai "Dewa Penulong"

tetapi malangnya Perfini tidak dapat memulangkan sechara kontan, kebetulan pula Titien telah mendirikan perushaan sendiri dengan nama Titien Sumarni Motion Pictures dan akan membuat productionnya yang pertama, kemudian terchapailah kata sepakat Titien lalu menyewa studio Perfini untuk Filemnya yang pertama "Putri dari Medan" dan tanpa diperhitongkan lagi, mungkin dua buah filemnya lagi "Tengah Malam" dan "Mertua Sinting" selesailah sudah hutang dan pinjaman itu.

Tapi bagimana pun perjalanan ini tidak beres dan berseh. Ada hal2 yang "tersangkut" lagi filem 'Putri dari Medan' telah diidarkan melalui bahagian distribusi Perfini dalam hal ini pula tidak ada wang yang masok kiraan Titien Sumarni Motion Pictures, suatu hal yang tentunya membuat Titien "kapok" oleh kerana itu pulalah Titien dalam filem yang kedua dan ketiga itu diedarkan olehnya sendiri.

Perkara ini telah berkelam kabut, Perfini yang telah membuat perjanjian terlebih dulu akan mengedarkan filem2 T.S.M P. telah bertindak banyak perkara yang dirunding semula, tapi pada akhirnya T.S M.P. telah membatalkan perjanjian itu dengan bersharat terlebih dulu membayar ganti kerugian sebesar 10persen dari ongkos2 pembuatan filem pada Perfini.

Keributan ini dibesar2kan oleh wartawan2 filem tempatan tetapi Titien hanya berkata: "Kami tidak mempunyai perjanjian yang mengikat dengan Perfini kami hanya menyewa, jadi sewaktu2 kami berhak pindah tempat untuk membuat filem".

Maka itulah produksi filemnya yang ke-empat "Sampah" telah dibuat dalam studio Persari, yang

membuat sekali lagi orang ramai terchengang, kerana Titien telah "bertentangan" atau "perang mulut" dengan Persari dulu, yang menyebabkan ianya diusir oleh Djamaluddin Malik.



Sesudah chekchok dengan Djamaluddin Malik (Persari) Titien pergi ke Usmar Ismail (Perfini) yang mulanya cuba menulong dengan meminjamkan wang untuk filem "Kerisis" lalu menyewa untuk tiga buah filem dan berakhir dengan pertentangan pula. Titien kembali lagi dengan Djamaluddin Malik (Persari) dengan membuat filemnya yang keempat itu.

Suatu ketika, iaitu pada bulan Julai 1954, satu pemilihan untuk mencari "Bintang Dunia Filem bagi tahun 1954" yang dianjorkan oleh majalah Dunia Filem, yang diambil mudalnya dari tabong Persari itu telah diadakan ternyata dari pemilihannya tu Titien Sumarni telah mendapat banyak undian, sedang Neety Herowaty terjatoh kenombor lima.

Tapi bila diumumkan dalam pembahagian hadiahnya, nama Neety Herowaty telah mengatas semua orang sedang Titien Sumarni mendapat kedua.

Orang semua tahu bahawa Neety Herawaty adalah bintang Persari dan Titien Sumarni sebagai seorang pelakun bebas dan punya perusahaan filem sendiri.

Titien tidak mengambil pialanya itu dan dengan senang hatinya ia menyerahkan piala itu kepada bintang lain.

Tak lama kemudian itu perbelahan2 pendapat antara beberapa arang wartawan yang pro dan kontra terhadap peristiwa ini telah terjadi bukan hanya majallah filem sahaja yang mengambil bahagian malah sebuah surat khabar harian telah mengambil bahagian, yang paling chergas, paling bijak memutarbelitkan sesuatu guna melariskan jualannya

Berikutan dengan itu majallah "Filem Varia" mengadakan pemilehan, dan ternyata nama Titien Sumarni diatas sekali. Titien Sumarni datang ke majlis yang mariah itu untuk mengambil pialn serta menguchapkan beberapa patah untuk para penggemarnya.

Semua pembikian filem "Antara Tugas Dan Chinta" Titien Sumarni jatoh pingsan ketika sedang dalam pengambaran yang kebetulan pada masa itu Titien ada berlakon dalam lain2 filem yaitu sabanyak 9 filem dalam tangan 9 pengarah serentak sekaligus Sebagai seorang Hero dalam filem "Antara Tugas Dan Chinta" itu Kunto Sudarsono, saorang perwira yang senghaja diambil dari pehak tentera untuk memegang peranan besarnya, pernah membandingkan antara Titien Sumarni dengan Marilyn Monroe yang pada suatu ketika pula pernah pingsan semasa berlakon jadi persamaan ini apakah dapat dikatakan bahawa Titien Sumarni ini disebut "Marilyn Monroe of Indonesia"?

Hari ini yang ternyata hanya lakonannya yang sedikit ada merip2nya kapada Marilyn Monroe dan kawin cherai nya dalam kehidupan atau pun chara kenafsuannya yang tidak puas2 dengan seorang lelaki paling jauh persamaannya ialah chara kematian nya, Marilyn Monroe mati mengejut dengan me-

makan berlebehban obat tidur kerana keputus asanya dalam perchintaan dan Titien Sumarni lebeh dahshat lagi!!!

Titien membacha tulisan itu dengan senyum gel yang sebenarnya ia ingin sebagai Marilyn Monroe, tapi dengan tendas ia mengatakan bahawa ia menolak chora berpakaian Marilyn, 'Agak Slordig' kata nya sebagaimana diketahwi bahawa Marilyn Monroe adalah Manusia Tanpa Katok.

Dalam barisan seniman seniwati dilndonesia, Titien Sumarnilah yang berani sekali pernah menyatakan kesediannya untuk dichium dalam filem ini dilakukan ketika namanya sudah begitu memunchak dia membisekkan pada telinga saorang wartawan dikota Medan bahawa sekirinya saorang pengarah berkehendakan adigan chium dalam filemnya dia bersedia untuk memenohi kemahuan itu.

Terbit sahaja kenyataannya ini bukan sahaja dikota Medan bahkan dari Sabang sampai kaMerauke sampai2 kaTanah Semenanjong dan daerah sekitar nya terkejut besar bagaimana pun pro dan kontra timbul tapi yang menghentamnya lebeh banyak dan lebeh nyaring suaranya.

Kesimpulan2 telah diambil bahawa penyataan Titien ini adalah suara baru dalam kenchah persoalan filem2 Indonesia bila mana ahli2 fikir Indonesia

Di-sebelah ini ialah gambar2 Titien (5) dalam satu pesta tari menari dengan pakaian Evening Dress (6) satu pos yang menarek (7) Titien Sumarni dengan piala yang dimenanginya sebagai seniwati Indonesia yang terbaik sekali.



menchari jawapan atas pertanyaan2 apakah rupa dan bentoknya yang akan dilalui oleh dunia filem 'Indonesia dimasa yang akan datang, telah datang pula satu pernyataan dari saorang producer dan bintang filem yang sudah terkenal iaitu Titien Sumarni.

Saorang penulis diJakarta pernah menyuarakan dengan tegas akan persoalan ini antaranya dia menulis "Pernyataan ini barulah sekali ini dikeluarkan oleh saorang bintang filem Favouriet rakyat jelata Titien Sumarni. Ya saudara2 yang menggemari Titien kebanyakannya hanyalah dari gulongan rakyat jelata yang selamanya hidup rata2 didalam kesederhanaan dalam segala hal - sederhana dalam jalan2 hidupnya sederhana didalam chara berbuat serta sederhana dalam chara berfikir dan dalam serba kesederhanaan inilah mereka dapat manekmati permainan Titien Sumarni dalam filem2-nya selama ini. Sudah berbelas2 buah filem Titien yang merupakan box-office. Dari manakah wang yang masuk itu kalau bukan kebanyakannya dari kantong rakyat jelata itu? Tulong tanyakan saudara2 siapakah yang belum mengenal sechara rapat Titien Sumarni, berapa tahi lalatnya dan sebagainya, saya kira tidak akan saorang yang tidak dapat menjawabnya. Titien bagi mereka bermain sebagai menchermin-kan masharakatnya".

Dapat juga kita ambil kesimpulan serentak dari sini mengapakah Titien tidak begitu mendapat perhatian dari gulongan menengah dan tinggi dengan meninggalkan bagimana pendapat saudara2 masing2 dalam menghadapi persoalan2 kelas ini tentulah sebabnya ialah Titien menurut mereka maseh kono kerana dida am filem sering bermain dengan

memakai selindang dengan tinggal digubok2. Bagi mereka moden itu bererti berdansa dansi, berpelok2an, bernyanyi lagu2 Barat, berpakaian ala Paris yang paling baru seluar ketat2 hingga terampak seluar dalamnya malah ada yang berani memperlihatkan jalan2 alurnya waduh !! Tetapi analisa ini sebenarnya adalah hanya merupakan melihat sepintas lalu sahaja.

Dan pada diri Titien Sumarni yang sebenarnya ialah dia mahu lebeh dina nis maju makanya dia berani berterus terang sanggup dichium.

Apa lagi dia merupai, hanya satu2nya bintang filem yang terkenal "at the pop" dan hanya satu2nya saorang Producer yang sama juga diHolywood hanya terdapat satu sahaja Producer wanita iaitu Ida Lupino.

Disalah satu pertemuan lain Titien Sumarni telah bungkem menyuarakan soal "chium" ini diwaktu pertanyaan oleh saorang wartawan ditujukan padanya, Titien Sumarni hanya dapat berbisek pada pengarah Djaja Lasuma yang sechara ernstig menjawabkan bahawa pada pendapatnya kaseh mesra itu dapat digambarkan tidak sahaja dengan adigan "chium".

Disaat2 ini angin sepui2 bahasa sedang bertiu2 melalui dari satu telinga kes tu telinga mengenai rumah tangga Titien - rumah tangga yang bahgia diluar penglihatan Titien- Maestari yang telah berjaya mengeluarkan empat buah filem dan tentunya jutaan rupiah telah dapat

dichari tapi angin yang membawa khabar burok
khabar keretakan.

Macham biasa juga para wartawan tidak melepas kan peluang ini, mereka buru2 menchari Titien Sumarni dan bertanyakan hal2 ini tapi sechara diplomasi Titien menyatakan bahawa Tentunya kami akan bercherai kapan entahlah, hanya yang sudah pasti bila salah saorang diantara kami meninggalkan dunia yang fana ini kami tentu akan bercherai”.

Titien pernah juga bersuara demikian: “Moestari adalah kepunyaanku dan aku adalah kepunyaannya. Kami tak pernah chikchik dan bersengkita dan anak kami yang kecil ini rasanya chukup untok mempererat kaseh dan pergaulan kami”.

Titien Sumarni telah melahirkan anaknya yang sulong ini pada tanggal 15 Februari 1955 yang diberi nama Mohammad Harif Tommy Surjanatanegara.

Tetapi pengakuan Titien ini tidak selama2nya dapat dipegang kerana “kalau tak ada angin mustahil pokok boleh bergoyang” maka desus itu tambah semarak dan perhatian orang ramai tertumpu kesoal ini - soal yang paling besar dihadapi oleh rumah tangga Titien.

Memang sebelum ini Titien agak lam tidak kelihatan dilayar perak setelah menyelesaikan filemnya ‘Mertua Sinting’ ini dikatakan oleh orang bahawa Titien Sumarni sakit - jatoh sakit yang

terok sekali, dirachuni orang dan dari dukun ke-dukun dia berubat, setelah puas dengan doktor2 yang kenamaan namun sakitny n itu tambah kuat jauh dari menyembahkan.

Wartawan2 diJakarta macham2 menulis tentang ini beritanya berekor2 tidak habis2, dikatakan Titien Sumarni dirachuni oleh orang yang dengki kan akan kemashorannya, dikatakan Titien Sumarni dibuat oleh saorang dukun yang mendapat upah dari orang yang inginkan kemashorannya itu lesap. Dikatakan pula dalam perut Titien Sumarni ada sekeping bambu guna merusakkan badannya dan seribu satu macham ditulis orang, diperkata orang dan jadi buah mulut orang.

Pernah pula dalam sebuah majalah filem ditulis terang2 bahawa Titien Sumarni telah meninggal dunia akibat perbuatan orang - dan gemparlah sebentar dengan berita2 hisapan jempul oleh orang2 surat khabar itu.

Yang sebenarnya bahawa pada waktu itu Titien Sumarni memang sakit, dia sakit kerana ke'etehan kata orang disana dia bertugas sudah berlebeh2an yang pernah meghadapi 9 buah filem dari 9 orang pengarah di 9 buah studio, paginya bekerja distudio anu - malam harinya harus pula berada distudio anu - siang malam dia harus membanting tulang dan pekerjaan ini dilakukan selama 4 bulan lamanya, makan minum sudah tidak teratur, tidur sudah tidak berketentuan sedang dimasa itu pula perutnya sedang membesar dari masa kemasa (hamil) sedangkan menurut peratoran saorang ibu

yang sedang hamil itu sangat perlu banyak berehat tetapi sebaleknya Titien Sumarni melipat ganda membanting tulang kerananya dia pun jatoh sakit.

Agak lama juga dia terlantar diatas ranjang baru mula badannya terasa sehat dan selamat melahirkan anaknya yang pertama itu.

Setelah itu Titien Sumarni yang tidak tahu berdiam2 diri itu mulai merenchanakan untuk membuat filem lagi. Renchananya itu telah diserahkan pada M. Said dan mulailah filemnya itu dibuat dengan menyewa studia Persari pula, ini adalah filem Produksinya yang keempat bernama 'Sampah'.

Perbuatan filem ini terlalu lanchar lebih kurang dalam masa 4 bulan sahaja sudah dapat diselesaikan yang bagaimana pun nama Titien dan peristiwa rumah tongganya maseh belum luput diperkatakan orang tambahan diakhir2 ini Titien kelihatan lebih linchah dan lebih banyak kenalan orang2 yang ternama.

Sebagai seorang suami Moestari lebih faham akan keadaan isterinya direnong dari jauh dijeling bila berdekatan sudah ternampak bahawa sudah ada gejala yang kurang baik, sudah ada bala yang akan menimpa menolongkan kerobohan rumah tangganya.

Untuk kedua kalinya rumah tangga yang didirikan oleh Moestari akan roboh - rumah yang pertamanya telah roboh berkechai atas kemahuan isterinya yang ada sekarang Titien Sumarni. Sedang rumah-tangganya yang ada sekarang ini pula tiang pasaknya telah mula bergoyang. Sudah sedikit demi sedikit dimakan anai2 tianggol menunggu saat terchabut sahaja.

Moestari menginafi segala2nya ini, puas sudah dia mengelamun, dichubanya untuk memperbaiki kerosakan ini, dipujuknya dengan kata2 rayu merayu, dinasehati dengan kebijaksanaan dan kecherdekan supaya tidak akan tersentak hati isteri yang maseh tetap dichintainya itu.

Tetapi segala pujok rayu dari Moestari, nasehat dan tegur sapa dari beberapa orang teman2 dan sahabat handainya telah dijadikan alat permainan oleh Titien, Titien Sumarni yang telah lupa daratan kerana dia telah ada ribuan para pemujanya, telah ada ribuan pemuda yang meminatiinya, dan yang paling nyata sudah ada beberapa orang lelaki yang senantiasa merasa sepi walau disamping isterinya sendiri, dikala Titien Sumarni ada bermain dibola matanya.

Bala benchana ini sudah membayang dikelopak mata Moestari, untuk menolak bala Moestari tak mengadakan doa kenduri, kerana kalau sudah takdir, manusia tak dapat menghalang, pernah Moestari ditengking oleh isterinya dengan mengatakan "Sekali aku terjun kedunia filem, saumur hidup sukar keluar lagi".

Titien berpandapat bahawa dia sanggup berjauhan dari Moestari - Moestari hanya merupakan seorang lelaki biasa yang tak lebih dari puluhan lelaki lain, pula dia sanggup berjauhan dari Tommy Sharif yang muanya dianggap sebagai manusia yang mempereratkan hubongan kasehnya dalam rumah tangga, kerana bayi ini dapat dihasilkan lagi, bukan seorang dua asal hatinya berkehendak - semua boleh jadi.

Bagi Moestari pula perkara ini tidak akan di-kesali lagi, kini fahamlah dia bahawa maksudnya bermula itu memang baik, keinginan isterinya, ke-chantekan dan keayuannya perlu ditibarkan di-khalayak ramai kerana seni dan demikian pernah ditulis orang bahawa "Moestari telah lupa bahawa dengan izin dan dorongannya bererti dia mebuka pintu buat isterinya yang maseh muda dan keanak2-an itu melunchur terbang keawang2an sehingga kelak lupa daratan lalu meninggalkan dirinya saorang sebagai suami yang sudah "ketinggalan zaman" juga Moestari lupa bahawa dengan izin dan dorongan itu si isteri yang maseh berusia muda itu keluk pada suatu saat bakal tak terkendalikan olehnya lagi.

Kini kesah Titien Sumarni-Moestari sudah hampir habis. Moestari termenung sendirian mengenangkan masa2 yang telah lalu, masa2 yang sangat manis dan indah segala impian telah terchapai, isterinya yang dichintainya itu sudah sampai kepunchak kemashoran, apa yang diinginkan semuanya dapat dan semuanya tersenyum lebar.

Tapi senyum lebar itu tidak kekal buat selamanya. Moestari telah tersilap pada mulanya yang menginginkan segalanya itu, kerana Shaitan2 Keparat turut sama menggoda.

Sepanjang2 tahun 1955 itu Titien Sumarni dan Moestari hanya tertawa diluar rumah kerana dalam rumah tangganya telah mulai kusut masai menjelang sahaja tahun 1956 rumah tangganya suaah tidak dapat ditahan2 lagi lalu ruboh.

Delapan tahun yang telah lalu - telah berlalu jauh seakan2 tidak ada apa2nya, bagi Titien dan

Moestari delapan tahun mereka mendirikan rumah tangga itu hingga lenyap hanya dalam sedetik saja. Moestari melepaskan tanggong jawabnya lalu menyalahkan Titien, demikian Titien sendiri menyalahkan Moestari - masing2 dengan kebenarannya.

Sebagai saorang lelaki Moestari mencheraikan Titien lalu mengisi kekosongan hidupnya itu berkawin dengan saorang gadis lain.

Akan Titien pula? Ia tetap menyalahkan Moestari dengan alasan2 yang seperlunya dia menjadi janda ayu.

Kalau Moestari boleh berkawin dengan gadis lain Titien juga boleh berkawin dengan lelaki lain, malah sudah ada ribuan para pemujanya, pileh saja mana satu yang diperlukan, Tetapi Titien Sumarni memilih saorang lelaki yang lebih tua dari Moestari, tapi punya wang jauh lebih banyak darinya.

Dalam tahun inilah juga ibu kandong Titien Sumarni meninggal dunia, setelah mengidap beberapa macham penderitaan.

Saorang saudagar kelapa kering pernah disebut sebagai "Ratu Kopra" dari Sulawesi dengan segera telah menggantikan tempat Moestari, Tapi tidak dengan chara bernikah, ijabkabul sebagai saorang Islam. "Raja Kopra" itu bernama Laurens.

Akhbar2 tempatan segera menyiarlu kehibuhan berita ini, hingga menjelang beberapa waktu yang agak panjang, tapi Titien tetap bungkam terhadap ini. Dia bisu seribu bahasa.

Bagaimana pun Titien Sumarni menyembunyikan perkara hubungannya dengan Laurens itu, akhbar2 tempatan telah membesar2kan, ini menyebabkan kemashoran Titien mulai merusut - mulai menemui bintang2 hitam dalam hati ribuan para peminatnya. Nama Titien Sumarni sebagai saorang yang kenamaan kian beransor turun, ribuan para pemujanya telah beransor2 mengundurkan diri buat tidak lagi mahu memujanya sebagai bintang pujaan mereka dengan bibir yang menchemek2 mereka menghina akan kelakuan Titien Sumarni tambahan lagi Titien sudah tidak muncul2 lagi dalam filem.

Titien Sumarni Motion Pictures pun terpaksa menggulung tikar.

Akhir sekali Titien Sumarni mengaku didepan saorang wartawan mengenai peristiwanya dengan Laurens itu hanya sekadar hujungan antara saorang lelaki yang kesepian dengan wanita yang tidak bersuami lagi. Lain hal tidak ada apa2.

Sepatah kata orang Titien Sumarni disimpan oleh Laurens untuk melepaskan nafsunya belaka.

Tak lama pula ditahun 1957 Titien Sumarni telah berkawin sah dengan seorang Bupati diDjombang, saorang ketua kampung yang berusia lebih kurang dengan umur bapanya dan dengan sedirinya pula Titien Sumarni bergelar nyonya Soeb jakto. Mereka tinggal diSurabaya.

Keterangan gambar disabelah ialah (8) Titien Sumarni sedang bersalaman dengan R. Makhtar (9) Titien dalam filem "Puteri dari Medan" (10) Titien dalam filem "Terkabul" (11) Titien dengan pakaian "Evening Dress" (12) Titien dalam satu pesta tarian dan (13) Titien dengan senyum yang ta' kesampaian.



Sekali lagi kemashoran nama Titien Sumantri telah mula terjun, terjun menjunam hilang langsung dari buah mulut orang ramai, tambahan pula dunia filem Indonesia diakhir2 ini telah mendapat sambutan yang hangat terutama adanya lebih banyak seniwati2 yang lebih muda, lebih ayu dan lebih segala2nya.

Chuma ada beberapa orang sahaja yang maseh ingat akan Titien, Tapi ingatan mereka itu hanya diiringi do'a dan semoga Titien Sumarni menjadi suri rumah tongga yang bahagia disamping seorang suami yang sechochok dianggap ayahnya, seorang kakek yang sudah lupa daratan.

Tapi doa dari beberapa kerat orang itu tidak jua terkabol kerana cherita disebalik itu lebih dahshat dan hebat, jauh dari apa yang diduga.

Titien Sumarni mengaku sendiri bahwa selama dia disamping suami Bupati ini dia telah menduaikan suami. Disamping Bupati yang dianggap serupa dengan ayah nya dia berasmara pula dengan saorang tua lain yang telah lama dikenalnya malah sejak kecil sudah bersamanya dan dipanggil Oom. Menurut kata Titien Sumarni kepada saorang wartawan yang menemuinya, "Saya mengharapkan perkahawinan kedua ini dapat memberikan shorga bagi saya tapi tiba2 pada suatu saat, yang kemudian bagi saya merupakan hari nahas, saya berjumpa kembali dengan saorang tua (sebaya dengan Soebijakto) yang dulunya selalu saya panggil Oom yaitu diwaktu saya berusia 4 tahun, Oom inilah yang menjadi pangkal sebab kehebahan peristiwa apa yang disebut "Affair Titien".

Oom atau Pakchik yang dipanggil oleh Titien Sumarni odalah bernama Mohammad Ali Jahya,

terkenal sebagai seorang pemborong kelebar kes^o, diBandung. Dan menurut cherita dari mulut Titien sendiri bahawa Mohammad Ali Jahya ini adalah kenalan baiknya. Katanya "Sejak Saya maseh berumur empat tahun, Oom Mohammad Ali Jahya yang sudah beristeri waktu itu tinggal dihotel milek nenek saya diSurabaya dan waktu itu sering memberi apa sahaja permintaan: chuklat atau gula-gula".

Kata Titien lagi: "Waktu kami sudah berjauhan ia tidak melupakan kami setelah saya dewasa malah sudah bersuami dengan Moestari dan kemudian dengan Soebijakto ia maseh sering2 mengengok saya ini bermula menganggap saya sebagai anaknya sebaliknya saya menganggapnya sebagai arang tua saya".

"Tapi pada suatu hari ditahun 1957 ketika Oom Mohammad Ali Jahya mengunjungi saya diBandung terjadilah suatu yang tak pernah saya dugakan, perbuatan terkutuk yang tak pernah saya sangka terjadi juga belakangnya, baru saya sedar bahawa saya telah melakukan suatu dosa yang teramat besar terhadap suami saya".

"Dan waktu itu Oom Mohammad Ali Jahya mengatakan apa boleh buat nasi sudah menjadi bubur, lebih baik engkau minta cherai dari suami mu dan nanti aku akan menjadikan kau sebagai isteriku yang sah".

Kata Titien Sumarni mengakhiri cheritanya "terdonrog oleh rasa dosa terhadap suami dan kerana perchaya terhadap janji Oom maka saya segera mengirim surat kepada suami saya Soebijakto supaya dia mencheraikan saya".

Tapi kesah ini belum lichin perjalanannya Titien Sumorni maseh mahu membuat hiboh lagi.

Seterimanya surat dari Titien kakek tua Bupati itu pening kepala rasanya dunia ini berpusing kebawah tak disangkanya isterinya yang sangat2 dichintai itu yang memang chantek ayu dan menarek hati semua lelaki itu meminta cherai.

Lama sekali Bupati ini baru mengabulkan permintaan itu tambahan dimasa itu Titien sedang hamil hasil perkongsian dengannya.

Dari kebijaksanaan Titien yana sudah terkenal dengani lakonannya Titien Sumarni juga mahu berlakon dengan Bupati, dibohongi Bupati kakek tua yang sudah hilang pedoman itu dengan menyatakan bahawa anak yang dalam kandongan itu adalah bukan hasil dari Bupati tapi adalah semata2 hasil yang diperoleh dari Oom Mohammad Ali Jahya dan berterus terang Titien Sumarni menyatakan bahawo bukan sekali dua malah telah bertahun dia bermain asmara dengan Oomnya itu.

Bagimana pun Bupati maseh kurang perchaya, masa terus berjalan tapi Titien tidak pulang menemui Bupati dia tetap disamping Oomnya itu dibuai oleh ombak kemuliaan yang Titien angan2kan itu.

Dan akhirnya Bupati sudah tak tertahan menahan hati dan bulan Februari 1959 Bupati dengan se secara resmi memberikan surat talak pada "buah hati"nya Titien Sumarni.

Sekali lagi rumah tangga Titien ruboh.

Dengan Moestari rumah tangganya rubah berkechai.

Dengan Laurens tak sempat mendirikan rumah tangga.

Dan Bupati ditinggalkan sendirian.

Harapan gemilang bersama Oom Mohammad Ali Jahya.

..... pun menjadi kesah resah disepanjang masa, kesah susah hendak ditempoh, kesah penghabisan meneruka duka.

Masa itu Titien Sumarni maseh tetap chantek ayu dan menarek, tahi lalatnya maseh menjadi pertanyaan orang ramai, dan kerana tahi lalatnya inilah orang ramai museh mengenal dan mengetahui siapa manusia yang jelita ini.

Nama Titien Sumarni sudah tiga tahun tidak menjadi buah butir orang, oeminatnya telah hilang sama sekali; Titien dianggap oleh orang ramai sudah tidak ada lagi dalam 'Dunia Perfileman' dan kesah kejayaannya pun orang sudah mula melupakan.

Dengan sekeping surat talak dari Bupati itu, Titien Sumarni barangkatlah dengan anaknya dan bayi dalam kandongannya ke Sukabumi menemui Oomnya yang telah berjanji akan berkowin dengannya. Lama benar dia menanti saat kelahiran anaknya itu dan disempanjang masa itu kesihatan Titien sendiri sering terganggu dan sudah berulang kali dia keluar masuk kerumah sakit.

Dalam saat penantian lahirnya bayi itu Oom Mohd Ali Jahya sering2 juga datang berkunjung

padanya tapi bila melihat kaadaan kesihatan Titien tidak begitu menyenangkan Oom Mohd Ali Jahya sudah agak busan dengan kejadian ini yang kemudiannya dia tidak lagi datang, Oom Mohd. Ali Jahya telah menghilangkan dirinya jauh2.

Titien melahirkan bayi yang telah mati dalam kandongannya pada tanggal 21 Jone 1959, 4 bulan berselang dari tarikh ia dicheraikan oleh Bupati tapi Oom Mahd. Ali Jahya pun tidak menjelang sehingga tiga hari jenazah bayi ini disimpan menunggu kedatangannya Yang ditunggu tak kunjung tiba yang dinanti tak pernah menjelang.

Titien mengambil tindakan balas. dia bersumpah untuk menuntut bela.

Sementara kesihatannya puleh kembali Titien banyak memikirkan soal bagimana hendak berbuat terhadap Oomnya itu, dichedangkan akan menchari manusia ini dan akau dihadapkan kemahkamah guna menuntut wang ganti kerugian sebanyak lima juta rupiah - dan wang sebanyak ini dichadangkan akan disumbangkan bogi pembangunan masjid Baijulrahim yang sedang didirikan dikawasan perumahan istana Jakarta.

Menurut kata Titien Sumarni lagi "Ketika bayi telah lahir dalam keadaan meninggal dan saya

Gambar disebelah ini menunjukkan (14) Titien saakan2 telah terasa "Bintangnya" yang mungkin gelita dimasa depannya (15 & 16) Titien dalam kamar tamunya.



dalam keadaan lemah physiek dan fikiran, ternyata ia saolah2 hendak bersikap tidak bertangung jawab dan mungkiri segala pujuk rayu dan janjinya tempuh hari. Maka pergilah saya ke Bandung menyusulnya, untuk menuntut janjinya”.

“Sikapnya terhadap saya dingin, achoh tak achoh, dan saya selaku wanita merasa dipermain2kan dan direndahkan olehnya, mentang2 dia punya wang, pikir saya”.

“Saya majukan perkara ini kapada pehak berwajib, dengan menuntut kerugian 5 juta rupiah, sebelum saya mengambil tindakkan ini, ia sudah saya ajak untok berdamai tapi ia tidak mahu mendengarkan omongan saya itu”.

Dalam menanti saat itu, Titien berchita2 kembali untuk terjun ke filem. dia kembali semula mengeluarkan filem dan berlakun dalam filem ini.

Filem ‘Al Jamamatan’ adalah produksi bersama diri Titieu Sumnrni dan Siliwangi Motion Pictures, yang dewasa ini pula Titien sibuk mengadakan feeling dengan tokoh2 sutradara dan bintang2 lainnya.

Dalam pertemuan ini nampak antara lain Lily Sudjio pengorah dari “Anak ku Sajang” Turino Djunaidy yang berjaya mengarahkan filem “Iseng” Chaidar Djafar yang sedang sibuk membuat persiapan penggambaran.

Peristewa ini berlaku dipenghujung tahun 1959.

* * *

Entah bagimana pembuatan filem ini mati ditengah jalan: faktor utama tentulah kekurangan mudal dan udara untuk bernafas, Titien ikut pusing kepala dan menantikan akan tuntutannya terhadap Oom Mohd. Ali Yahya itu.

Suatu hari ia pkrgi menjumpai Oom Mohd. Ali Yahya itu, sekali lagi ia dihampakan, Titien keluar dari rumah itu, hilang fikirannya bagi orang gila dia berputar2 keliling kota dengan hanya berjalan kaki tiada memakai kasut.

Bandung adalah kota yang terkenal dengan kejelitaan kaum wanitanya, yang disebut dengan wanita Periangan.

Titien Sumarni semacham berpawai bagi menunjukkan keinginannya, semacham berdemonterasi akan kelakuan saorang lelaki yang menganiaya, segalanya ini dipertunjukkan dalam ia berjalan keliling kota, dengan pakaian yang tak teratur, rambut kusut masai dan tak memakai kasut.

Bermula dari jalan Doktor Sukiman ia menuju Chipangati kemudian membiluk kejalan Doktor Rival lalu dari sini lurus menempuh jalan Beraga, akhir membiluk kekanan menyusuri jalan Asia-Africa dan kini terus dan terus menuju arah Tjimahi.

Pada saat ini Titien Sumarni merupakan benar2 sebagai saorang yang telah sasau, telah putus asa dalam menempuh kehidupan, dalam perjalanananya ini dia diekori oleh saorang demi saorang, hingga ramailah pula yang mengikutinya dari belakang, terdengar suara kanak2 bersurak, "Orang Gila! Orang Gila !!"

Kira2 tiga suku batu sesudah jalan yang ditempohi tu, ia ditahan oleh saorang pegawai pulis iaitu disimpang tiga jalan Raya Barat dan jalan Geruda.

Ketika diberhentikan itu, Titien Sumarni membantah dengan berkata: "Saya orang waras, mengapa saya mahu ditangkap, apa salah saya?"

Terjadilah kemudian pertengkaran kechilantara Titien dengan polis yang menahannya itu, setelah diterangkan kedudukan yang sebenar, bahawa polis tidak mahu menangkapnya tapi hanya untuk memberi pertulungan yang wajar dan akan dihantar kerumah keluarganya kerana pulis tadi maseh tetap mengenali wanita ini, iaitu Titien Sumarni yang dulunya pernah menyemarakkan nama dalam dunia filem Indonesia, dan untuk jangan sampai terjadi sasauan yang lebih buruk dalam perjalanan yang tidak tentu tempat tujuannya itu dengan rasa sempat pulis itu membawanya kerumah keluarganya.

Masa itu Titien Sumarni yang berbaju merah jambu dengan gaun hitam pekat tak beralas kakinya dengan rambut kusut masai, benar2 menyerupai saorang yang sudah hilang fikiran - wanita gila!

Rupanya kejadian yang tak terduga2 ini telah menemukan titik permulaan yang hitam pekat pula, berita2nya dijadikan berita2 besar hingga menenggelamkan langsung namanya setelah menchapai punchak keiayaan - punchak pemujaan, punchak kebahagiaan dan menchapai titik yang paling tinggi sekali untuk dia terus terjun menjunam kebawah.

Maksud Titien berjalan itu mulanya bertujuan untuk mengadukan hal tuntutannya terhadap Oom

Mohammad Ali Jahya itu ka-Balai Pulis, tetapi fikiran yang sudah merunsing - fikiran burok yang mendadak datang, sudah tidak dapat dikawal lagi, bingung dan bingung akhirnya.....

Berita ini menjadi besar - orang ramai tertarek sekali untuk mengtahui sejauh mana jalan yang akan ditempuh oleh Titien - oleh saorang bintang filem yang kenamaan dengan kesah sekendal napsunya itu.

Bila berita ini sudah disiarkan dengan sebesar2 penyiaran bermacam2lah datang pro dan contra-nya, benchi dan kaseh sileh berganti timbul dari mulut kemulut orang, yang membicharakannya, bermacam2 pula fikiran yang ditimbulkan oleh orang ramai dan sekali lagi mulailah namanya turun menjunom setelah hampir delapan tahun terkenal harum dengan keayuan dan kejelitaan.

Oleh kerana begitu sangat hebohuya berita2 sekendal nafsu Titien Sumarni ini disiarkan oleh surat2 khabar tempatan maka untuk meredakan sedikit pehak Pulis turut champur tangan dengan meminta pehak akhbar2 merentikan terus menerus berita2 mengenai ini, dan terjadilah kesepian pehak akhbar tidak menyiarkon lagi hingga hilang benar2 ingatan orang ramai terhadap kesah Titien Sumarni ini.

Tahun 1959 berjalan terus.

Tiba menjelang tahun 1960 yang bagaimana pun nama Titien Sumarni telah hilang dari sebutan ramai: tidak ada lagi orang yang memuja Titien, orang yang mengaguminya atau orang yang menggemarkinya.

Titien Sumarni benar2 sudah lepas dalam ingatan semua arang yang pernah memuja2nya.

Surat2 khabar tidak menyiarkan sesuatu apa pun, orang ramai tidak la gsung tau apa khabar beritanya mengenai persoalan dengan Oom Mohammad Ali Jahya itu dan bagaimana dengan tuntutan2nya sehingga manakah penyelesaiannya.

Titien Sumarni tetap juga berlakon-walau bukan dalam filem.

Lakonan Titien sejak dia lepas dari tulisan2 wartawan adalah tambah hebat lagi, iaitu sejak dia ditulong oleh pulis itu dengan serta merta dia mendapat kerja sebagai pembantu pulis Tifien mendapat perintah terus dari ketua Romiseilat. Jcwa Barat, sementara Titien tinggal didaerah Ludaya Bandong.

Bagaimana pun seperti katanya Titien mahu terus berlakon dalam menjalankan pekerjaan membantu pulis ini, dia turut memegang peranan, berlakon dialam fana ini dimuka bumi dibawah kolong langit: dengan tidak perlu ditulis oleh wartawan2 tapi desas orang2 kecil disekitar tempat tinggalnya itu terus berti p, terdengar kata2 bahawa Titien Sumarni telah menjadi nyonya Inoch iaitu kepala pulis didaerah itu.

"Lumayan juga dari Bupati kekepala pulis, lewat saorang dan Oom Alinya" ujar mereka.

Sekali lagi saya petik tulisan saorang wartawan yang dalam keadaan2 seperti ini, semasa dia sudah menjalani peristiwa 7 Ogos dan bertugas sebagai

pembantu pulis: "Dia maseh tetap chantek, maseh tetap memileki keayuannya yang khas - paling khas dengan tahi lalatnya. Kendatipun sekarang ia sudah beranak tiga (saarang meninggal dunia) tapi Titien maseh tetap membuat dahaga lelaki yang tak pernah puas dengan isterinya sendiri, Titien terlalu ayu dan terutama terlalu ramah dengan chinta dan hati dan seluruh harta kewanitaannya yang dimilekinya."

Dan berakhirlah pula kesah Titien Sumarni dengan kepala pulis itu ini ternyata dari keterangan Inoch sendiri yang membantah keterangan Titien yang menyebutkan bahawa salah saorang dari ketiga2 anaknya itu adalah anak Pak Inoch. Pak Inoch menentang siasiapa pun yang dapat memberi bukti bahawa dia pernah mengawini Titien Sumarni.

Layang2 sudah putus tali - ia hanyut dibuai oleh arus-arus yang sekejap kenchang dan yang sekejap lembut.

Dan berlakonlah lagi si Titien Sumarni ini kerana orang belum puas dengan apa yang telah dilakukannya diatas muka bumi itu.

Banyak sudah lelaki yang jatuh melutut dibawah telapak kakinya dan banyaklah sudah lelaki yang mengharapkan untuk berdanding dengannya. Bagaimana pun Titien yang paling enak berbuat murah itu lekas pula membuat lelaki itu puas - membuat lelaki itu su dah tidak doyan lagi dengannya-lelaki itu mengangkat kaki meninggalkannya.

Tak tahu apa sebabnya entah kerana sesudah busan lalu lelaki itu meninggalkan dia atau sebaleknya kerana tak pernah mendapat kebahgiaan dengan

sua ninya yang tua2 kakek itu lalu Titien memberi kesempatan lelaki lain buat mengisi hatinya yang sentiasa dahaga itu - lepas satu kesatu-tapi kesemunya tua2 belaka.



Titien Sumarni tiada langsung memberi harapan walau pada saorang anak muda yang datang dari ribuan para pemujanya itu.

Beberapa tahun kesah Titien Sumarni hilang tidak didengar khabar, dari sejak dia bekerja sebagai pembantu pulis yang tentunya berita2 mengenainya sudah dikawal oleh pehak pulis - orang sudah lupa langsung hinggalah pada setahun dua kebelakangan ini sebelum dia meninggal dunia, orang ramai gempar sekali lagi kerana Titien Sumarni dikhabarkan telah ditimpa derita.

Orang ramai sekali lagi tertanya2 apakah kesudahannya dengan pekerjaannya sebagai pembantu pulis itu? Semua pertanyaan2 ini - hanya tinggal pertanyaan - tidak punya jawapan.

Yang akhirnya orang ketahui bahawa Titien Sumarni kini telah benar2 hidupnya menderita, hidup yang sudah tidak tentu arah tujuannya lagi kerana disamping masa hidupnya itu ia tahan termenung

Gambar disebelah ini menunjukkan (17&18) Titien dalam peranan filem "Puteri Dari Medan" (19) Titien dalam bayangan harapan yang tipis, (20) Titien dalam filem "Ayah Kikir" dan (21&22) Titien sedang bermain piring hitam.



diantara meja judi - berhari bermalam yang semata2 untuk menghabiskan sisa2 hartanya yang sudah habis itu.

Orang ramai juga terkejut setelah mendapat tahu bahawa disamping dirinya itu Titien Sumarni punya anak yang ditanggongnya seramai lima orang.

Titien tidak lagi tinggal dirumah2 pegawai kerajaan, tidak dengan rumah Bupati, tidak juga dengan rumah saudagar, tidak juga dengan rumah pegawai pulis - tapi dia terlantar dirumah keluarga soorang penarek becha di Jiandjur.

DiTjiandjur inilnh dia meratapi nasibnya, dari baringannya dia terlentang itu dapat ia mengira akan ribuan bintang2 yang gemerlapan dilangit teringat dia akan ribuan para pemuda yang gagah2 memujanya, menggemarnya dan mengaguminya: "Aku ayu tapi aku dah layu" bisek hatinya.

Setitek dua, ayer matanya menuruni pipinya, macham biji mutiara yang putus karangan, macham tikek2 embun dihujung daun ditiuo angin, dia terpaksa jatuh kebawah menchium bumi.

Terbayang kembali ingatannya pada cherita film yang akhir sekali yang dimudali olehnya sendiri itu. Iaitu filem "Sancah" dimana dia berlakon sebagai Karsinah yang ditimpa malang, juga terlantar sakit disebuah gubok burok akibat durjana suaminya yang perusak negara, ketika ini Titien Sumarni tersentak terkejut dan memekuk, kiranya kejadian ini bukan hanya lakonan dalam filem, malah benar2 sememang terjadi pada dirinya sendiri.

Dituleh kekiri dan kekanan, senyap sunyi, tak ada lampu2 besar menyuluhnya, tak ada alat pembesar suara yang akan menangkap suaranya dan akhirnya tak ada kemera yang akan menangkap gambarnya yang sedang terlantar itu.

Kini benar2 dia sedar bahwa dirinya yang begitu dulu telah menghadapi kenyataan yang sebenar - dia sudah berlakon benar2 diatas muka bumi ini, bukan berlakn lagi dilayar puteh

Agak lama juga peristiwa ini berlaku, kerana penyakitnya tambah hari tambah menjadi, dagng2 tegang yang melekat di tubohnya itu telah mulai hilang, hanya yang tinggal ialah sehelai kulit tipis yang membalut tulang belulangnya - tulang2 kering-nya.

Pipinya tidak muntok lagi - lehernya jenjang mengalah dadanya leper macham dalam - perutnya kempis dan ponggong tak ubah macham sebatang pohon pinang yang melurus.

Itulah Titien dimasa itu-dimasa kemerusotannya yang benar2 - tidak dengan menggunakan alat2 make-up dan sain, tapi benar2 tuboh badan Titien Sumarni.

Ribuan para peminatnya tidak perchaya akan kejadian ini, riauan para pemujanya tak menyangka kejadian serupa ini mesti berlaku.

Tiap2 kejadian yang ditakdirkan oleh Tuhan seru sekalian alam itu ada dengan tujuan2nya.

Kechantikan, keayun, kejelitaan dan segala2nya tidak kekal- ia akan binasa jua, kemewahan, kekayaannya dan segala2nya tidak abadi - dia hanchor juu. Dan Titien Sumarni - Ya Titien Sumarni yang saudara2 agong2kau selam ini dengan kepandaian lakonannya, dengan keayuan mukanya dan dengan seribu macham kupujian, kini hanya tinggal rangka

satu rangka yang dapat melukis kesayuan hati
kepluan rasa dan kepedehan jiwa.

Tohan menghantar saorang hambanya untuk,
menolong, itulah datang saorong pemuda yang sang-
gop menghulorkan tangan dengan ikhlas menolong-
nya, dibawanya Titien yang sudah lemah ini kerumah
pengobatan - kerumahsakit Mana Ajong diBondong.

Dirumah sakit itu Titien dirawat dengan semesti
nya diberi suntekan dan diberi minum ubat, dijaga
makan minumnya dan diberi kerehatan yang chukup.

Segla2nya ada dalam perhatian kaki tangan
yang jujur dirumah sakit ini akan keadaan Titien
Sumarni ini.

Kelima2 anaknya itu hidup dalam keadaan
terbiar tidak pernah merasa kaseh sayang dari
kedua ibu bapanya

Lama juu Titien dirawat dirumah sakit ini,
sahingga pada suatu hari benar2 dia sudah semboh
sudah segar bugar dan sudah kuat berjalan, dan
serupalah kelakuan dimasa dia kecil dulu 'membulus
jari dari rumah sakit itu diulangnya sekali lagi. Titien
keluar dengan tidak ketahuan pehak yang berwajib
dirumah sakit ini.

Diluar Titien memanggil tukang becha meminta
dihantar kekota yang menurutnya mahu menchari
beberapa orang yang tertentu untuk meminta wang -
tetapi pada siapa2 yang dimintanya itu, tukang
becha itupun tidak tahu yang ternyata Titien
menggunakan becha itu sahari suntok dengan
perchuma sahaja.

Selepas itu Titien berjalan2 kaki sahaja, sahari
suntok pula dia berjalan hinggalah keletihan, tetapi
tidak kerana dia mahu main judi lagi, yang menurut-

nya inilah tempatnya dia dapat menghabis sisa'2 hidupnya itu.

Disaat ini terdengarlah khabarnya oleh saorang wartawan oleh wartawan ini ditarinya dimana berada Titien, lalu mengadakan pertemuan.

Pertemuan ini lain charanya, kerana Titien ta' mengachoh lansong untuk mengadap wartawan lagi bukan sabagai beberapa tahun yang silam, dimana wartawan mengejar2nya dan Titien terasa agak tertinggi malah pernah Titien menghalau wartawan dikala dia membacha beritanya ditulis oleh wartawan dengan agak pedas sedikit.

Bagaimana pun beritanya dapat disiarkan dan terbachalah oleh saorang wanita yang pernah berhutang budi padanya lalu menawarkan jasa baiknya uutok menulong Titien Sumarni guna dirawat dirumah sakit Idbint.

Lebih kurang dua bulan setelah Titien lari dari rumah sakit Mameh Ajeng itu' dia diserahkan pada rumah sakit Idbint, disini Titien Sumarni berada dibawah pengawasan Dr. Benjamin K. Supit dan perawatan ini hanya berlalu selama lebih kurang 2 minggu sahaja

Tibalah saat yang ditunggu2, tibalah detik yang dinanti2 o eh Titien sendiri saat dimana Malaikat Izrail menchabut nyawanya.

Tujuh minit sebelum Jumaat tanggal 15hb. May 1966 Titien Sumarni atau dengan nama lengkapnya RADEN AYU TITIEN SUMARNI telah menghambuskan nyawanya yang terakhir meninggalkan dunia filemnya, meninggalkan lima orang anak2nya, dan

miningga'kan nama satu2nya nama yang termashor dilndonesia.

Dr. Supit menerangkan bahawa Titien Sumarni mati kerana akibat buang ayer terus menerus dan champor dengan penyakitnya yang lama dulu, yang sabelum ini dikatakan kematian Titien Sumarni adalah kerana rachun dalam ketam hitam yang dikirim oleh kenalannya diluar rumah sakit.

Bagaimana pun juga, tidak saorang akan menda'wa kematiannya, tidak saanak saudaranya, tidak sahabat handainya, tidak bekas2 suaminya yang pernah puas menguchup keni'matan dan tidak juga saorang pun dari ribuan pemujanya.

Titien mati kesaorangan tanpa dihadapi sesiapa kechuali saorang doktor dan saorang wartawa.

Jenazah Titien diusong lalu dikebumikan dikawasan permakaman Pengeran2 Sumedang, tempat sal ibu kandongnya, diiring hanya oleh ratao dan sedu sedan beberapa orang keluarga yang rapat, jiran2 yang menyesali dan simpati atas nasibnya dan orang2 persaarangan yang sungguh menaroh belas terhadapnya.

Gambar disebleah ini 2ula menuniokkan (23) Titien dalam filem "Tengah Malam" (24) Titien dalam filem "Apa SalahKu" (25) Titien Sumarni bertambah Ayu waktu memakai pakain yang melambungkan keperibadian Indonesia (26) Titien juga tahu bermain piano dan (27) Titien mengelamun dalam khayalan sedang rokoknya maseh tersepit antara dua jarinya.



*Ta'saorang munchul dari bekas suaminya, tidak
Moestari, tidak Laurens, tidak Soebijakto, tidak
Mohd. Ali Jahya dan tidak juga Inoch.*

*Berasal dari tanah, pulanglah dia katanah, kami
yang hidup hanya sanggup berkata: Inna Lillaahi
Wainna Ilaihi Raajiun.*



BINTANG MEMPERKATA BINTANG - BINTANG TITIEN SUMARNI

"Bintang *Capricorn"

Hari bahgia untuknya adalah hari Sabtu sedang hari Khamis adalah semalang2 hari bagi saorang yang mempunyai bintang Capricorn ini, bintang kesepuloh dari dua belas biutang - bintang kamblng bertandok suatu senjata untuk bertahan.

Titien Sumarni menurut bintangnya adalah saorang yang hidup bebas, tidak mahu terikot dalam sasuatu apa pun juga, maka itulah dia tidak menyukai orang lain menchampuri urusannya walau pun dari ahli keluarganya sendiri.

Pengaruh bintang ini akan membawa hasil yang kurang baik pada pelaksanaan fikirannya, kalau dilakukan dengan tidak mempunyai perubahan2 dan chara keburuan2 hendaknya dilakukan perubahan2 yang redikal dan yang menyimpang sekali dari hal2 yang biasa sehari2.

Suatu hal yang baik ialah dia mempunyai watak yang baik dengan kemahuannya yang keras terchapailah chita2nya, walau onak dan duri mesti dilaluinya. Dalam setiap waktu dia hidup dengan sunggoh2 dan segala hal sedapat mungkin dapat difikirkan dengan teliti' chara ini kebanyakannya memang membawa munafaat yang baik, tetapi waktu itu adalah waktu yang baik pula untuk menerima dengan baik akan segala sesuatu yang sepintas lalu kelihatannya baik pula.

Capricorn dengan pencharannya yang harmonis akan membawa beberapa orang teman untuknya. ianya mesti berasa bahagia dan gembira tetapi janganlah berlebihan2 terimalah segala undangan, dan dari segi ini bintang Capricorn akan berchita2 untuk dapat menambahkan pendapatan dari lebih apa yang menchukupi.

Banyak ahli2 falsafah lahir dari pencharan bintang Capricorn ini, dan kerana itulah kebiasaan pada ahli2 falsafah kekurangan sentiasa akan waktunya, dan mungkin pula dia akan mempunyai hanya sedikit waktu, tapi alangkah muleknya jika dia mengikuti sasuan pelajaran yang kemudian har akan perlu sedikit baginya.

Wanita yang telahir dalam Capricorn ini, amat menyukai perkerjaan rumah tangga. Pada biasanya. Dan jarang sekali mahu menunjolkan perasaannya tapi tidak dapat memaafkan perbuatan yang ta' adil hinaan atau yang selalu melukakan hatinya.

Kalau dia mengerjakan sasuan dengan ikhlas dan jujur, lambat laun intuisinya dengan betul2 kalau mahu mencapai kemajuan ini.

Pancharan dari bintang Capricorn ini adalah hijau tua warna yang paling chochok untoknya, sedang angka2 8 dan 35 atau gunakan saja angka yang beruntung ini, ia itu 9-8 dan 10 membuatnya lebih berguna dalam pencharian sahari2, tapi ada sasuatu yang harus dijaga, agar kesilapan tidak terjadi jikalau sewaktu2 ada merenchanakan sasuatu untok kemajuan usahanya atau dagagnnya, charilah pula keinginan orang ramai agar tidak menjadi gagal.

Nasihat2 dari luar harus ditimbang sama untuk digunakan, pancharan Capricorn menghendaki sasiapa yang sanggup menimbang rasa akan nasihat2 kawan sakeliling, kerana walau pun bintang ini otaknya chergas, chepat mendapat dari sasuatu pelajaran, namun kemajuan hanya tercapai dengan doa restu dari teman sakeliling.

Kamu sentiasa tahu - menemukan jalan benar tetapi perbuatlah segala - dengan tenang dan tenteram - biarlah suatu kesulitan - jangan menyilaukan matamu - nanti akan kamu capai pantai damon Zam2.



titien ini akhirnya berhasil membuat film pertamanya dengan judul "Puteri Medan". Film ini dikenal sebagai film pertama yang dibuat di Surabaya. Setelah sukses dengan film pertamanya, Titien terus berusaha membuat film-film lainnya. Beberapa film yang terkenal di antaranya adalah "Tengah Malam", "Mertua Sinting", dan "Sampah".

Setelah sukses dengan film-filmnya, Titien Sumarni mendirikan perusahaan sendiri pada tahun 1952, yang diberi nama "Titien Sumarni Motion Pictures".

TITIEN SUMARNI DARI DETIK KEDETIK

1930 (28 December) Titien Sumarni dilahirkan di ibu kota Jawa Timur, Surabaya.

1948 (Oktober) berkawin dengan suaminya yang pertama R. Mohd. Moestari.

1951 Buat pertama kalinya ia mencheborkan dirinya dilapangan filem, filemnya yang pertama ialah "Serunai Saju".

1952 Menubohkan perusahaan filem sendiri, yana diberi nama Titien Sumarni Motion Pictures, dan menghasilkan hanya 4 buah film iaitu "puteri Dari Medan" "Tengah Malam" Mertua Sinting" dan "Sampah".

1954 (July) Memenangi gelaran "Bintang Dunia Filem" yang dianjurkan oleh majalah Dunia Filem. Tapi piala yang dimenangi itu dipulangkan kembali setelah ada keributan mengenai skandle pemilehan.

1954 (July) Memenangi gelaran 'Ratu Layar Perak' yg di-anjorkan oleh majallah Film Veria, dengan menggondol piala2: (a) pemain wanita yg terbaik (b) pemain wanita yg digemari dan (c) pemain wanita yg terchanteck.

1955 ('5 Februari) Melahirkan anak yg pertama.

1956 Percheraian berlaku antaranya dgn suaminya Moestar! setelah agak lama juga mereka berselisih paham.

1957 Berkawan baik dengan Laurens tapi berkawin dengan Bupati diDjombang bernama Soebijakto.

1958 (Februari) Rumah tangganya sudah mula bergoyang disebabkan adanya orang ketiga iaitu Mohd. Ali Jahya yang menggodainya dan kerananya dia minta cherai dari Saebijakto.

1959 (Jun) Melahirkan anaknya yg kedua dari suami yg kedua pula. Dari tarikh ini arang ramai sering dikejutkan oleh berita2nya yg menakjubkan sehingga namanya yg harum ini telah menjunam kelurah yg dalam hingga pada menjelang tahun 1965 diketahui bahwa Titien Sumarni telah sakit terok, menderita hidupnya dan sengsara jiwanya hingga pada:

1966 Pada 15 Mei, Titien Sumarni menghembuskan nafas yg terakhir.

titien sumarni yang mempunyai tahi lalat di sebelah kiri, satu tanda yg diagong2kan oleh para peminatnya. Titien berkulit cherah kekuning2an, badanya tinggi lebih kurang 5 kaki 5 inchi, berbidang 37-28-38 matanya hitam sedikit kebiruan dan mempunyai rambut yg hitam pekat.

KALAU MAHU BERLAKON.....

titien sumarni yg mempunyai tahi lalat di sebelah kiri, satu tanda yg diagong2kan oleh para peminatnya. Titien berkulit cherah kekuning2an, badanya tinggi lebih kurang 5 kaki 5 inchi, berbidang 37-28-38 matanya hitam sedikit kebiruan dan mempunyai rambut yg hitam pekat.

Titien Sumarni mempunyai tahi lalat di sebelah kiri, satu tanda yg diagong2kan oleh para peminatnya. Titien berkulit cherah kekuning2an, badanya tinggi lebih kurang 5 kaki 5 inchi, berbidang 37-28-38 matanya hitam sedikit kebiruan dan mempunyai rambut yg hitam pekat.

Sepatah kata darinya untuk siapa saja yang ingin menunjukkan dirinya dilapangan filem kata-nya: "Pertama ialah bakat, kedua patoh pada Sutradara dan ketiga harus sanggup bergaul dengan segala lapisan masyarakat serta tabah yakni tidak patah hati".

Bintang kesayangannya diHolywood ialah Ava Gardner dan Humphry Bogard sedang bintang2 filem Indonesia semunya dianggapnya sebagai teman dan sahabat karibnya.

Lakonan yang paling disukai ialah barlakon sebagai orang gila, orang sompong dan orang yang dibenchi.

**TITIEN SUMARNI
BERLAKON DLM FILEM²:**

*Ajah Kikir
Antara Tugas Dan Chinta
Apa Salah Ku
Asam Didarat, Garam Dilaut
Dunia Gila
Djandji Ku
Gadis Olah Raga
Gara2 Hadiyah
Kaseh Sajang
Kenangan Masa
Konde Tjioda
Kleting Kuning
Lagu Kenangan
Lewat Djam Malam
Mientjelief
Menjambut Keluarga
Merebut Kaseh
Pahit2 Manis
Perkasa Alam
Pengeran Hamid
Putri Solo
Putri Dari Medan
Satrija Desa
Sampah
Sedarah Sedaging
Sepanjang Malioboro
Seruni Laju
Terkabol*

SELESAI.

Sabuah cherita hiboran ringan sebagai penambah isi buku ini ada dimuka yang berikut. Tidak ada maksud ditujukan kepada sesiapa - yang mati mahu pun yang maseh hidup dimayapada ini. Ia hanya semata² untuk penglipor lara bagi muda mudi dikala kesepian menggonchang jiwa.

Penerbit

“... dan yang terakhir adalah buku ‘Penambah Isi Buku’ yang diberikan oleh penerbit buku ini. Buku ini merupakan sebuah cherita hiburan ringan yang dibuat untuk menghiburkan para pembaca yang sedang mengalami kesepian menggonchang jiwa. Buku ini dibuat dengan tujuan untuk memberikan rasa senang dan ketawa kepada pembaca yang sedang mengalami kesepian menggonchang jiwa. Buku ini juga dapat membantu pembaca untuk mengalihkan perhatian mereka dari kesepian menggonchang jiwa ke dalam aktiviti yang lebih menyeronokkan dan menghiburkan.”

BESEKAN TENGAH MALAM

Ali dan Abu pulang dari menunton wayang gambar. Jarak antara pekan kecil dengan kampong mereka chuma sa-tengah batu saja, mereka berjalan kaki. Ketika berjalan melewati rumah2 itu tiba2 Abu bersuara "Ali, mau tak kita pergi mengendap pengantin baru?"

"Chadangan kau tu bagus juga" sambut Ali.

"Tak nampak, dengar pun jadi-lah" tambah Abu lagi. Kedua mereka terus berjalan chepat menuju ka-rumah suami isteri yang baru saja kahwin. Waktu melangkah masok ka-pakarangan rumah itu, berdebar juga hati mereka. Kedua mereka menyusop kabawah rumah. Seluroh rumah itu tidak memasang lampu. Waktu mereka sampai, kedengaran derak2 bunyi katel. Ali menyinggong Abu, bagi memberi pertanda yang tujuan mengintai mereka pada malam ini berhasil. Mereka semakin berhati2 bila kedengaran suara mengeliat malas dari pehak perempuan. Kini Abu pula menyinggong Ali. Kedua mereka membuat perhatian yang teliti.

"Abang niiiii, kachau-lah" suara halus pehak perempuan

"Alah, Nah pun" suara parau lelaki.

"Sunggoh" rajok isteri-nya.

"Abang tak boleh tahan-lah sayang" suami-nya merayu.

Ali dan Abu menekapkan telinga rapat ka-tepi dinding. Suara dari atas rumah itu terhenti, yang kedengaran desas-desus kain bergeselan, di-iringi bunyi katil.

"Kalau ya pun jangan-lah kasar sangat" suara halus dari pehak isteri. Ali dan Abu semakin gelisah. Mereka berhimpit2 hendak mendengar perkembangan sa-lanjut-nya.

"Perlahan2-lah sikit bang" minta' isteri-nya. Sa-telah berhenti sa-bentar suara isteri itu kedengaran lagi "Nah, sakit. Nah pedeh".

"Nah pedeh sayang, abang perlahankan'" terbit suara pehak lelaki. Derak-derok katil semakin kenchang. Nafas suami isteri itu semakin kuat.

"Nah, mari-lah rapat dekat abang" minta' suami-nya. Tidak lama kemudian terdengarlah bunyi orang bergerak. Ali menyingsong tangan Abu sebagai pertanda yang isteri itu-lah bergerak menuju ka-arah suami-nya sebagai menyahut permintaan suami-nya tadi.

"Ya, macham ni-lah sayang" suara suami memuja sikap patoh isteri-nya lalu menambah. "Himpit2 bagini tidak sejok-lah badan".

"Alah, abang tuuu" terdengar suara marah2 yang di-pura2-kan dari isteri-nya. Ketika itu Ali menekapkan mulut-nya ka-telinga Abu "Kali ini pasang-lah" Abu menyingsong Ali.

"Baju Nah ni buang-lah!" minta' suami-nya.

"Tulong buka butang di-belakang bang" pelawa isteri-nya.

"Baju orang perempuan ni macham2, susah-nya kena orang tulong pula" leteran suami-nya.

"Baju dalam abang, buang ta?" tanya isteri-nya manja.

"Oh, tentu" suara kepastian dari suami.

"Ramas2 atas baju dalam sudah-lah".

"Ta' puas-lah Nah. tak puas".

"Ehhhhh abang niiii".

Kedengeran susuatu benda jatoh ka-lantai. Itu barangkali baju dalam isteri-nya. Kedua orang nakal di-bawah tanah semakin menghimpitkan telinga ka-dinding, mau rasa-nya mereka mendengar segala sesuatu kisah di-atas rumah itu melalui besak2an manja lagi mesra.

"Boleh ta' abang ramas tetek Nah?" tanya si-suami dengan suara luchu.

"Alah abang ni buat2 ta' tau pula" suara mengejek dari si-isteri.

"Jadi, boleh-lah" suara si-suami pula.

"Kalau Nah kata tak boleh pula, bagaimana?" si-isteri menduga suami-nya.

"Saya ganyang juga" kata si-suami.

Suara dari atas tiada kedengaran. Yang chuma bunyi katil dan gerak nafas kedua suami isteri itu.

"Abang" suara manja dari isteri.

"Ya sayang" jawapan dari suami.

"Tulong-lah abang!" suara halus dari isteri, merayu.

"Tulong bagaimana?" tanya suami dengan suara parau.

"Ramaskan buah dada Nah ini kuat2" suara itu keluar bergetar dari bibir isteri-nya. Ali-Abu semakin resah di-tanah. Kedua mereka saling himpit menghimpit tak keruan lagi.

"Baginikah sayang?" tanya si-suami dengan suara bergetar juga.

"Ya, bagitu-lah abang. Ramas-lah sa-puas2 hati abang" jelas suara isteri dengan sadikit mengerang. Suara ngerang itu keluar bergetar.

"Kepala tetek itu gelintikan dia" minta isteri-nya.

"Baik-lah sayang" suara si-suami.

"Nah nikmat-lah berbuat bagini bang" terbit suara manja dari isteri.

"Abang pun tambah seronok kalau bagini" tambah suaminya penoh kemesraan.

"Abang, chuba abang hisap pula kepala tetek Nah ni" suroh si-isteri dengan suara yang bergetar dan bernafsu benar.

"Baik-lah sayang, abang buatkan" sang suami memberi pengakuan.

"Bagitu-lah bang. Tangan kiri abang ramaskan tetek Nah yang sa-belah kiri ni" suroh isteri-nya.

Nafas Abu dan Ali semakin kuat. Ali mendekatkan mulutnya ka-telinga Abu "Aku tak tahan lagi Abu" Ali lalu dudok. Dia membuka butang seluar-nya. Beberapa sa'at kemudian tubohnya bergetar. Dan dia kelihatan penat. Nafas-nya pendek. Dengan tenaga yang lesu dia bangun menghamperi Abu. "Kau ni chelaka betol, orang2 sedap2 atas rumah kau di-bawah tak tahan lagi" bentak Abu kepada teman-nya, Ali.

"Nanti abang" terdengar suara si-isteri.

"Buat apa? Saya sedang nikmat niii" tanya si-suami.

"Nah mau buang kain ni. Menyampah" jelas si-isteri.

Kedengaran bunyi kain melayang jatoh ka-lantai.

"Abang" suara manja, halus dari bibir isteri, lalu di-lanjut-kan.

"Mana tangan Abang" tanya si-isteri.

"Nah, ini tangan abang" terang si-suami.

"Usapkan-lah perut Nah ini, kemudian usap-lah di-sekitar pusat Nah pula" si-isteri membuat surohan.

"Abang ikut aja-lah sayang".

Tiba2 Abu datang ka-dekat Ali lalu membisek ka-telinga Ali. "Aku pun tak dapat tahan lagi Ali" Ali sempat pula men-hentam Abu "Kau pun chelaka juga, orang sedap2 di atas rumah kau orang sebok2" ketika hendak membuka butang seluar-nya Abu bersuara perlahaan ka-telinga Ali "Kita sama saja" Abu dudok. Tidak lama kemudian tuboh-nya menggeletar. Nafas-nya sesak-pendek2. Berlalu masa itu Abu bangun dengan tenaga lesu ka-tepi dinding untok mendengar peristiwa sa-lanjut.

"Abang penat tak?" terbit lagi suara itu dari bibir isteri sa-telah berhenti sa-jenak.

"Panat tu memang, tapi nikmat punya pasal, penat pun penat-lah" terbit suara garau dari bibir sang suami.

"Chuba abang dengar deru hujan tu bukan main lebat lagi" isteri menjelaskan kapada suami bila mendengar deru hujan jauh kedengaran tiba.

"Hujan tentu chukop nikmat kalau kita berbuat bagini" jelas suami-nya sunggoh2.

Ali datang dekat teman-nya lalu berbisek "Abu kita ni apa macham, hujan nampak-nya turun lebat, padankah kita menjamu darah untok di-hisap si-nyamok tua?" Abu mendekapkan mulut ka-telinga Ali "Nyamok tua pun nyamok tua-lah! Biarlah! Kita

tunggu sampai akher" demikian keputusan dari Abu yang ter-hendap2 di-tepi dinding sambil tangan-nya perlahan2 menampar nyamok yang sedang menggigit hidong-nya.

"Abang letakan-lah pula hidong abang tu ka-pipi Nah" mintai isteri-nya dengan suara lemah merayu bagai sa-orang yang sangat dahaga dalam pengembaraan.

"Oh, Nah, pipi-mu ini sangat gebu-nya, lembut" suara itu bergetar terbit dari bibir si-suami. Derak-derok katil sering memukol gendang telinga kedua rumaja yang 'gila mengintai' itu. Meski hujan mulai turun dan malam semakin merangkak tua, kedua anak rumaja itu maseh belom mau meninggal rumah pengantin yang baru saja berkahwinan ini demi mendengar besekan2 ghairah yang penoh dengan nada berahi dari atas katil rumah itu. Mereka rela diri mereka di-dingini malam. Rela digigit nyamok. Dalam mereka menanti keputusan dari atas katil rumah itu, kulit mereka, tuboh mereka terseksa. Itu-lah nasib anak2 muda yang nakal berjalan malam mengintai suami isteri yang sedang menikmati hidangan lazat bersuami isteri.

"Tekankan-lah hidong abang itu biar terbenam ka-dalam pipi Nah ni" serusi-isteri dengan bernada.

Suara itu terhenti. Hujan mulai turun dengan rintikan yang lebih kasar.

"Abang, Nah sejok-lah".

"Abang pun sejok juga".

"Abang, Nah tak tahan lagi-lah".

"Abang pun tak tahan lagi".

Ali dan Abu semakin mendekatkan telinga pada dinding.

"Abang perlahan2-lah sikit-Pedeh".

"Abang chermat ni Nah".

Kemudian suara itu terhenti. Derak katil jelas dan lebeh kenchang. Satu bunyi yang luar biasa terdengar. Ali dan Abu saling singgong menyinggong.

Sesak nafas kedua suami isteri itu jelas kedengaran. Tiba2 derak katil itu semakin kenchang. Beberapa sa'at kemudian katil itu tidak berderak lagi.

Ali menyinggong bahu Abu. Kedua mereka berlari keluar dari bawah rumah itu dalam hujan lebat.

T A M M A T



HARGA \$1. sabuah